

## **Faktor Dorongan *Al-Sama'* Dan *Al-Qira'ah* Hadis-Hadis Sahih Al-Bukhari Dalam Pengajian Talaqqi Bersanad (TB) Di Malaysia**

Farhah Zaidar Mohamed Ramli  
Latifah Abdul Majid  
Mohd Arif Nazri  
Hafida Mohd.Nordin

### **Abstrak**

*Talaqqi Bersanad (TB) adalah pendekatan berkonsepkan pengajian ilmu yang dibuat secara langsung di hadapan guru al-musnid. Ia dipraktikkan menerusi kombinasi metode al-sama', al-qira'ah serta al-ijazah. Ketiga-tiga metode masih diadaptasikan sehingga kini bagi menyambung periwayatan hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang sudah dibukukan tidak terkecuali terhadap kitab-kitab hadis induk seperti Sahih al-Bukhari. Analisis kualitatif berdasarkan analisis dokumen, observasi dan temubual mendapati pengulangan proses aplikasi al-sama' dan al-qira'ah terhadap hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari secara al-sard sebagai mekanisme persambungan sanad antara murid dan guru al-musnid di Malaysia sekalipun pada masa kini telah didorong oleh lima faktor iaitu metode riwayat terbaik dalam al-tahammul wa al-ada', pemantauan cetakan (dabt kitab), ulang kaji hadis, pahala ibadah selawat dan peningkatan keimanan kepada Rasulullah ﷺ. Kesemua faktor tersebut menonjolkan keaslian perhubungan antara perjalanan majlis atau pengajian al-sama' dan al-qira'ah sesebuah kitab hadis dengan sahib al-hadith itu sendiri iaitu Rasulullah ﷺ. Periwayatan hadis pula merupakan tradisi yang sukar dipinggirkan oleh komuniti yang cenderung menghimpunkan nama mereka sebaris dengan kelompok orang-orang salih yang tersenarai dalam silsilah sesuatu riwayat sebagaimana yang boleh direalisasikan dalam pengajian berkonsepkan TB.*

**Kata kunci:** *al-Sama', al-Qira'ah, Sahih al-Bukhari, al-Sard, Talaqqi Bersanad (TB).*

### **Abstract**

*Talaqqi with Sanad (TB) is an approach to the concept of knowledge studies made directly in front of the al-musnid teacher. It is practiced through a combination of al-sama', al-qira'ah and al-ijazah methods. Until now, all the three methods are still being adapted in the continuation of narrating the Hadith of the Prophet which have already been published inclusive the master scriptures Sahih al-Bukhari. The qualitative analysis based on*

*observations, analysis of documents and interviews found that repetition of the same application process al-sama' and al-qira'ah of Hadith in Sahih al-Bukhari in al-sard as a continuation mechanism of sanad between pupils and al-musnid teachers in Malaysia, though nowadays it has been driven by five factors which are the best narration method by al-tahammul wa al-ada', printed monitoring (dabt book), Hadith review, the reward of selawat and the increase of faith in the Prophet. All of these factors highlighted the originality of the relationship between the progress of al-sama' and al-qira'ah studies on certain Hadith with sahib al-hadith itself i.e. the Prophet. Hadith narration is a tough marginalized by traditional communities as they tend to elicit their names in adjacent to those righteous or pious men listed in silsilah of narrators as may be realised in the TB concept studies.*

*Key words: al-Sama', al-Qira'ah, Sahih al-Bukhari, al-Sard, Talaqqi Bersanad (TB).*

## Pengenalan

Menurut 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah (1992) Talaqqi bersanad<sup>1</sup> merupakan metode tradisi dalam pengambilan ilmu-ilmu Islam. Pengaplikasian TB menurut Muhammad Abu al-Huda al-Ya'qubi al-Hasani dalam al-Nadwi (2001) adalah bertitik tolak daripada nokhtah pendengaran (al-samac) dan penyampaian (al-tabligh) wahyu al-Quran dan hadis bersumber daripada Rasulullah p. Pendekatan ini berkembang menjadi metode yang kemudiannya dalam konteks ahli hadis didisiplinkan dalam aturan al-tahammul<sup>2</sup> wa al-'ada'<sup>3</sup> atau dalam kajian ini diadaptasi kepada istilah TB. Manakala al-sama'<sup>4</sup>, al-qira'ah<sup>5</sup> dan al-ijazah<sup>6</sup> merupakan tiga metode TB yang diterimapakai oleh ulama. Sehingga kini pengulangan praktik ketiga-tiga metode tersebut masih diadaptasikan terutama

<sup>1</sup> Pendekatan berkonsepkan pengajian ilmu secara langsung di hadapan guru al-musnid iaitu ahli sanad dengan mempraktikkan kaedah al-talaqqi iaitu al-sama' atau al-qira'ah serta dikurniakan al-ijazah. Manakala guru tersebut berpengalaman mempelajari kitab tersebut melalui proses yang sama dengan guru-gurunya. Begitulah seterusnya sehingga sanadnya sampai kepada pengarang kitab dan berakhir silsilahnya kepada sumber dan penyampai mutlak ilmu iaitu Rasulullah p. Selepas ini diringkaskan kepada TB.

<sup>2</sup> Proses penerimaan dan pengambilan periwayatan ilmu secara umum atau hadis secara khusus. Ianya diaplikasikan menerusi salah satu daripada lapan metode iaitu al-sama', al-qira'ah, al-ijazah, al-munawalah, al-i'lam, al-wasiyyah dan al-wijadah sebagaimana dalam disiplin pengajian hadis.

<sup>3</sup> Penyampaian dalam proses periwayatan bersanad bagi sesuatu ilmu, hadis, atau kitab selari dengan metode al-tahammul yang diaplikasikan.

<sup>4</sup> Guru membacakan hadis periwayatan beliau sementara murid mendengar daripadanya secara langsung.

<sup>5</sup> Murid membacakan hadis di hadapan guru yang memiliki periwayatan hadis tersebut secara langsung.

<sup>6</sup> Kebenaran bagi seseorang meriwayatkan sesuatu hadis atau kitab hadis dengan izin atau autoriti daripada seseorang guru tanpa pembacaan atau dengan pembacaan di hadapannya.

dalam mempelajari kitab hadis seperti *al-kutub al-sittah*<sup>7</sup> walaupun pendekatan mirip *al-wijadah*<sup>8</sup> terhadap karya-karya tersebut lebih meluas dipraktikkan (Muhammad 2007).

*Al-Kutub al-sittah* merupakan kumpulan kitab hadis muktabar yang menjadi sumber utama dalam pengajian secara TB. Hampir keseluruhan ulama mengutamakan mendengar (*al-sama'*) dan membaca (*al-qira'ah*) karya-karya ini serta memperolehi pengijazahan daripada para guru. Malah dalam disiplin pengajian hadis karya-karya induk ini diusulkan sebagai keutamaan dalam pendahuluan pendengaran hadis apatah lagi setelah kesemuanya dibukukan (al-Rajhiyy 2001). Pendengaran, pembacaan mahupun pengijazahan *al-kutub al-sittah* pada asasnya wajar dilakukan secara mengikut tertib kedudukan kitab iaitu dimulai dengan Sahih al-Bukhari sehingga yang seterusnya (al-Fadani 1983). Namun dalam perspektif pelaksanaan, terdapat dua kaedah yang diaplikasikan dalam proses *al-sama'* dan *al-qira'ah* kitab-kitab hadis tersebut iaitu kaedah *al-sard* dan kaedah *al-hall wa al-bahth*<sup>9</sup> (al-Qannawji 1985).

### ***Al-Sama'* Dan *al-Qira'ah* Hadis-Hadis Sahih al-Bukhari Secara Kaedah *al-Sard* di Malaysia**

*Al-Sard* daripada sudut bahasa adalah merupakan kata terbitan daripada kata dasar sarada (al-Ra'id 1992). Ia boleh diertikan dengan *rawa* (meriwayatkan), *qassa* (menceritakan) dan membentangkan (al-Mawrid 1999). Manakala *al-sard* daripada sudut istilah ilmu hadis adalah merupakan kaedah pembacaan hadis daripada sesuatu kitab hadis secara terus menerus oleh guru atau murid yang ditugaskan memperdengarkan bacaan tersebut. Hadis-hadis tersebut dibaca satu persatu tanpa diselangi kupasan daripada aspek bahasa, kefahaman teks atau pengenalan nama-nama rijal yang terkandung dalam teks bacaan tersebut. Beberapa ulama antaranya Waliyy Allah al-Dihlawi berpendapat metode ini secara umumnya diaplikasi oleh tokoh-tokoh ilmunan sebagai satu cara mereka memperolehi *al-sama'* hadis dan silsilah sanad dengan segera. Berikutan itu aspek kupasan dan syarahan diabaikan (al-Qannawji 1985).

Lazimnya, kegiatan pembacaan menerusi kaedah *al-sard* dapat dikenalpasti menerusi pelaksanaan dalam tempoh yang singkat. Misalnya al-<sup>c</sup>Iraqi pernah membaca Sahih Muslim di hadapan Muhammad bin Isma<sup>c</sup>il al-Khabaz di Damshiq dalam enam sesi majlis secara berturut-turut. Manakala al-Fayruz Abadi membaca Sahih Muslim di hadapan Nasir al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad bin Jahbal di Damshiq dalam masa tiga hari sahaja dalam majlis yang turut dihadiri oleh para ilmunan terkenal (al-Qasimi 1993). Ibn Hajar al-'Asqalani pula pernah membaca Sahih al-Bukhari dalam sepuluh sesi majlis dengan durasi setiap majlis selama lebih kurang empat jam (al-Sakhawi 1999).

<sup>7</sup> Enam kitab hadis induk iaitu Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan al-Tirmidhi, Sunan Abu Dawud, Sunan al-Nasa'i dan Sunan Ibn Majah.

<sup>8</sup> Penemuan hadis menerusi kitab tulisan seseorang beserta sanadnya tanpa ijazah, munawalah dan *al-sama'*.

<sup>9</sup> Pembacaan hadis demi hadis dengan kupasan secara sederhana berkaitan beberapa aspek seperti huraian lafaz hadis yang gharib, kefahaman teks dan pengenalan nama-nama rijal sanad yang terdapat dalam teks bacaan.

Kajian mendapati di Malaysia aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis Sahih al-Bukhari menerusi kaedah *al-sard* telah dilaksanakan oleh seorang partisipan kajian (dikodkan sebagai SMF) selaku guru al-musnid<sup>10</sup>. Aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap kitab Sahih al-Bukhari antara partisipan SMF (2012) dengan murid telah berlangsung sebanyak 40 sesi majlis iaitu tidak termasuk majlis khatam bermula 29 Mei 2011 sehingga 18 Jun 2011. Keseluruhan sesi majlis ini sempurna dilaksanakan dalam tempoh 21 hari. Sepanjang tempoh ini, sebanyak 7563 hadis daripada kitab tersebut telah dibacakan sehingga khatam. 7285 daripada hadis tersebut telah dibacakan oleh beberapa orang murid di hadapan partisipan SMF. Manakala baki daripadanya iaitu 278 hadis lagi telah dibacakan oleh partisipan SMF kepada murid (Farhah Zaidar 2014). Hasil observasi kaedah *al-sard* tersebut boleh dirujuk kepada jadual 1.1.

Jadual 1.1: Model aplikasi TB Sahih al-Bukhari kaedah *al-sard* Partisipan SMF (2012)

| Bil. Hari             | Durasi         | Majlis<br>(sesi pagi & petang-<br>malam) | Jumlah Pembacaan<br>Hadis |
|-----------------------|----------------|------------------------------------------|---------------------------|
| Hari Pertama          | 2 jam 20 minit | Majlis pembukaan                         | 78 hadis                  |
| Hari Kedua            | 5 jam 18 minit | Majlis 1 & Majlis 2                      | 215 & 227 hadis           |
| Hari Ketiga           | 4 jam 13 minit | Majlis 3 & Majlis 4                      | 208 & 276 hadis           |
| Hari Keempat          | 5 jam 51 minit | Majlis 5 & Majlis 6                      | 193 & 237 hadis           |
| Hari Kelima           | 3 jam 58 minit | Majlis 7 & Majlis 8                      | 125 & 307 hadis           |
| Hari Keenam           | 4 jam 4 minit  | Majlis 9 & Majlis 10                     | 180 & 192 hadis           |
| Hari Ketujuh          | 5 jam 9 minit  | Majlis 11 & Majlis 12                    | 139 & 216 hadis           |
| Hari Kelapan          | 4 jam 9 minit  | Majlis 13 & Majlis 14                    | 96 & 187 hadis            |
| Hari Kesembilan       | 5 jam 13 minit | Majlis 15 & Majlis 16                    | 214 & 177 hadis           |
| Hari Kesepuluh        | 5 jam 40 minit | Majlis 17 & Majlis 18                    | 132 & 249 hadis           |
| Hari Kesebelas        | 4 jam 4 minit  | Majlis 19 & Majlis 20                    | 127 & 206 hadis           |
| Hari Kedua Belas      | 4 jam 31 minit | Majlis 21 & Majlis 22                    | 143 & 230 hadis           |
| Hari Ketiga Belas     | 2 jam 10 minit | Majlis 23 & Majlis 24                    | 64 & 154 hadis            |
| Hari Keempat Belas    | 4 jam 17 minit | Majlis 25 & Majlis 26                    | 107 & 80 hadis            |
| Hari Kelima Belas     | 5 jam 37 minit | Majlis 27 & Majlis 28                    | 121 & 182 hadis           |
| Hari Keenam Belas     | 5 jam 37 minit | Majlis 29 & Majlis 30                    | 188 & 255 hadis           |
| Hari Ketujuh Belas    | 4 jam 24 minit | Majlis 31 & Majlis 32                    | 172 & 292 hadis           |
| Hari Kelapan Belas    | 4 jam 11 minit | Majlis 33 & Majlis 34                    | 144 & 257 hadis           |
| Hari Kesembilan belas | 3 jam 33 minit | Majlis 35 & Majlis 36                    | 146 & 146 hadis           |
| Hari Kedua Puluh      | 3 jam 42 minit | Majlis 37 & Majlis 38                    | 168 & 172 hadis           |
| Hari Kedua Puluh Satu | 5 jam 59 minit | Majlis 39 & Majlis 40                    | 368 & 193 hadis           |

<sup>10</sup> Seseorang yang meriwayatkan hadis dengan sanadnya sama ada ia mempunyai ilmu atau sekadar meriwayatkannya sahaja. Al-Musnid juga turut dikenali sebagai perawi yang menerima dan menyampaikan hadis menerusi salah satu daripada metode-metode *al-tahammul*. Dalam konteks pandangan ulama mutakhir, *al-musnid* adalah seseorang yang melakukan penambahan periwayatan menerusi pengetahuan terhadap *al-ma'ajim*, *al-athbat* dan *al-faharis* serta prihatin dalam menerima *al-musalsalat* dan memiliki banyak periwayatan daripada para guru.

|                      |                 |               |                     |
|----------------------|-----------------|---------------|---------------------|
| Hari Kedua puluh Dua | 1 jam 9 minit   | Majlis Khatam | 193 hadis (ulangan) |
| Jumlah : 22 Hari     | 95 jam 15 minit | 41 Majlis     | 7563 hadis          |

### **Faktor Dorongan Aplikasi *al-Sama'* Dan *al-Qira'ah* Hadis-Hadis Sahih al-Bukhari Menerusi Kaedah *al-Sard***

Analisa kualitatif berdasarkan sumber temu bual, analisa dokumen dan observasi menunjukkan terdapat lima faktor yang mendorong aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis Sahih al-Bukhari menerusi kaedah *al-sard* dilaksanakan oleh partisipan SMF (2012).

#### **Pertama: Metode Riwayat Terbaik Dalam *al-Tahammul Wa al-Ada'***

Menghidupkan tradisi riwayat atau sanad menerusi metode yang paling tinggi serta terbaik dalam *al-tahammul wa al-ada'* merupakan faktor yang mendorong partisipan SMF (2012) mengaplikasikan *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis Sahih al-Bukhari. Kedua-dua metode tersebut menurut partisipan adalah mempunyai kelebihan daripada perspektif persambungan sanad secara langsung antara guru dengan murid. Pandangan partisipan SMF (2012) ini dilihat berasas kerana metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* merupakan pengadaptasian daripada tatacara *al-tahammul wa al-ada'*. Ianya juga merupakan mekanisme asal penyambungan sanad hadis-hadis Rasulullah saw. Majoriti ulama memperakui *al-sama'* sebagai metode talaqqi hadis yang paling tinggi (Ibn al-Salah 1986). Ini adalah kerana dalam konteks perawi thiqah (adil dan tepat riwayat) ia dapat memberi signifikasi penerimaan hadis daripada guru secara langsung yang tanpa ragu menunjukkan persambungan sanad antara perawi dengan sumbernya; guru (Muhammad 2007).

Manakala metode *al-qira'ah* merupakan proses yang hampir sama dengan *al-sama'* iaitu membaca dan mendengar hadis. Perbezaannya hanya tugas pembacaan hadis dalam metode *al-qira'ah* merupakan peranan murid manakala guru mendengar dan menyemak bacaan tersebut. Situasi ini mirip seperti memperdengarkan dan membentangkan bacaan. Justeru *al-qira'ah* juga disebut '*ard al-qira'ah*' (Ibn al-Salah 1986). Periwatyan menerusi metode *al-qira'ah* adalah diakui bersambungan sanadnya menurut majoriti ahli hadis. Ulama hanya berselisih pendapat dalam aspek penentuan martabat metode *al-qira'ah* iaitu sama ada kedudukannya sama dengan metode *al-sama'* atau lebih rendah atau lebih tinggi daripadanya. Namun pada dasarnya *al-sama'* lebih tinggi daripada *al-qira'ah* (al-Qadi 'Iyad 2004). Walaupun begitu, kedua-dua metode dalam kebanyakan keadaan juga diaplikasikan secara kombinasi. Pembacaan hadis oleh murid adakalanya diselang seli dengan bacaan oleh guru (al-Fullani 1984) sebagaimana yang turut dipraktikkan oleh partisipan.

Selain itu, rangsangan daripada beberapa hadis Rasulullah saw turut menjadi dokongan kepada partisipan dalam mempraktikkan metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari. Salah satu hadis yang dikemukakan oleh partisipan SMF (2012) menunjukkan Rasulullah saw memuliakan mereka yang terlibat dalam aktiviti meriwayatkan hadis menerusi aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah*. Ianya terangkum dalam doa baginda saw menerusi hadis tersebut:

نَصَّرَ اللَّهُ امْرَأً سَمِعَ مِنَّا حَدِيثًا فَحَفِظَتْهُ حَتَّى يُبَلِّغَهُ غَيْرُهُ فَرُبَّ حَامِلٍ فِقْهٍ إِلَى مَنْ هُوَ أَفْقَهُ  
مِنْهُ وَرُبَّ حَامِلٍ فِقْهٍ لَيْسَ بِفَقِيهِه.

*Terjemahan: Allah mengurniakan cahaya kepada orang yang mendengar hadis daripada kami lalu menghafaznya sehinggalah dia menyampaikannya pula kepada orang lain, barangkali orang yang memikul ilmu itu faqih dan menyampaikannya kepada orang yang lebih faqih daripadanya, barangkali juga orang yang memikul ilmu itu tidak faqih terhadap ilmu yang dipikulnya.*

(Hadis ini diriwayatkan oleh Zayd bin Thabit dan merupakan hadis hasan sahih. Al-Tirmidhi (t.th), Jami' al-Tirmidhi, Kitab abwab al-'ilm, Bab ma ja'a fi al-hath 'ala tablig al-sama', No. Hadis 2657)

Al-Mubarakfuri (2001) melontarkan pandangan bahawa kejayaan memperoleh doa yang ditujukan secara khusus oleh Rasulullah saw kepada mereka yang terlibat secara langsung mendengar hadis kemudian menyampaikannya kembali merupakan manfaat yang bermakna. Beliau menjelaskan jika tidak ditemui lain-lain faedah daripada proses menuntut ilmu hadis dan memeliharanya sehingga menyampaikannya kembali kecuali memperoleh keberkatan doa ini sahaja, ianya adalah memadai untuk mengecapi kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Hadis seterusnya yang dikemukakan oleh partisipan SMF (2012) ialah :

اللهم ارحم خلفاءنا، قلنا: يا رسول الله، وما خلفاؤكم؟ قال: الذين يأتون من بعدي،  
يروون أحاديثي وسنتي، ويعلمونها الناس.

*Terjemahan: Ya Allah rahmatilah pengganti-pengganti kami. Kami bertanya: wahai Rasulullah, siapakah pengganti-penggantimu? Sabda baginda, orang-orang yang datang selepas kewafatanku, mereka meriwayatkan hadis-hadis dan sunnah-sunnahku serta mengajarnya kepada manusia.*

(Hadis ini diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin Mas'ud. al-Tabarani, (1999), al-Mu'jam al-awsat, jil. 4, hlm. 239. No. hadis 5846)

Al-Qastallani (1991) menerusi hadis di atas mengulas bahawa Rasulullah saw mengiktiraf generasi yang datang selepas baginda saw yang berperanan meriwayatkan serta mengajar hadis-hadis sebagai mewakili tugas baginda saw dalam menyebarkan hadis-hadis tersebut. Al-

Qastallani (1991) berpendapat bahawa menjadi satu tanggungjawab kepada seseorang yang mempunyai ilmu tentang hadis memberi keutamaan terhadap urusan penyebarannya. Justeru komitmen partisipan terhadap aplikasi TB dilihat menepati rangsangan yang dikehendaki oleh hadis berkenaan.

Antara hadis seterusnya yang mendorong partisipan mengaplikasikan TB menerusi metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* ialah:

بَلِّغُوا عَنِّي وَلَوْ آيَةً

*Maksudnya: Sampaikanlah daripadaku walau sepotong ayat. (Hadis ini diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin 'Amr.*

(al-Bukhari (t.th), Sahih al-Bukhari, Kitab Ahadith al-Anbiya', Bab zukira 'an Bani Isra'il, no. Hadis 3461)

Rasulullah saw menerusi hadis di atas telah memberi rangsangan untuk menyampaikan sesuatu yang bersumberkan daripada baginda saw meski pun sepotong ayat. Kajian mendapati terdapat pendapat yang memperhalusi perintah dalam sabda ini sebagai penyampaian secara bersambung sanadnya daripada perawi yang dipercayai sehingga sampai kepada khabar yang hendak disampaikan tersebut ('Abd al-Fattah Abu Ghuddah 1984). Namun secara umum pun maksud hadis adalah dilihat relevan sebagai sandaran yang mendokong aplikasi TB oleh partisipan SMF (2012). Hadis seterusnya yang diutarakan oleh partisipan SMF (2012) juga didapati mempunyai perkaitan tentang aktiviti *al-sama'* dan *al-qira'ah*. Hadis tersebut ialah:

تَسْمَعُونَ وَيُسْمَعُ مِنْكُمْ وَيُسْمَعُ مِمَّنْ سَمِعَ مِنْكُمْ

*Terjemahan: Kamu sedang mendengar dan akan didengari daripada kamu serta akan didengari daripada orang yang mendengar daripada kalian.*

(Abu Dawud (t.th), Sunan Abu Dawud, Kitab al-'ilm, Bab fadl nashr al-'ilm, no. Hadis 3659).

Rasulullah saw menerusi sabda di atas menegaskan bahawa metode mendengar ilmu iaitu hadis akan saling dipraktikkan di antara generasi demi generasi bermula daripada sahabat dan tabicin sehingga kini (al-Bayhaqi 1988). Berikutan itu, proses penyampaian ilmu dapat dilangsungkan serta bersambungannya sanad di antara mereka dengan Rasulullah saw (al-Khatib al-Bagdadi 2003 al-Azim Abadi 1990). Secara kontekstual, maksud hadis ini dilihat bertepatan dengan proses TB terhadap hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari yang dipraktikkan oleh partisipan SMF (2012) iaitu menerusi aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah*. Kedua-dua metode dipraktikkan secara saling bersambungan di antara generasi demi generasi sebagaimana yang diterjemahkan menerusi rangkaian silsilah sanad yang dikeluarkan oleh partisipan SMF (2012).

Kesimpulannya, pengulangan proses *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari secara *al-sard* sebagai mekanisme persambungan sanad antara murid dan guru *al-musnid* mempunyai sandaran yang kukuh untuk diaplikasikan sekalipun pada masa kini. Ini adalah kerana proses tersebut merupakan pengadaptasian penyebaran hadis-hadis Rasulullah saw menerusi mekanismenya yang asal iaitu *al-tahammul wa al-ada'*. Malah *al-sama'* dan *al-qira'ah* diiktiraf sebagai metode riwayat terbaik dalam konteks tersebut. Aplikasi kedua-dua metode juga merupakan pematuhan kepada etika riwayat yang berasal daripada disiplin pengajian hadis. Ianya berhasil untuk mengekalkan kesinambungan silsilah sanad antara generasi terdahulu dengan generasi terkini. Selain itu, aplikasi metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis turut mendapat rangsangan positif daripada Rasulullah saw menerusi empat hadis yang telah dikemukakan sebelum ini.

Periwayatan hadis pula merupakan tradisi yang sukar dipinggirkan oleh komuniti yang cenderung menghimpunkan nama mereka dengan kelompok orang-orang salih yang tersenarai dalam silsilah sesuatu riwayat. Al-Khatib al-Bagdadi (2003) menukikan hal ini menerusi jawapan Abu Hafs ibn Abi Salamah ketika ditanya kepada beliau: "Adakah kamu suka meriwayatkan hadis? Beliau menjawab: Siapakah yang suka namanya digugurkan daripada dewan orang-orang salih?" Dalam konteks kajian, nama partisipan SMF (2012) dan murid adalah berkelayakan diletakkan sebaris dengan rangkaian silsilah sanad Sahih al-Bukhari secara bersambung menerusi metode yang diiktiraf bagi tujuan tersebut iaitu *al-sama'* dan *al-qira'ah*. Justeru, kesemua frasa aplikasi seperti yang boleh dirujuk pada jadual 1.2, ditemui direkodkan dalam sijil atau catatan sanad Sahih al-Bukhari yang dikeluarkan oleh partisipan SMF (2012) mahupun guru mereka.

Frasa-frasa yang boleh dirujuk pada jadual 1.2, pada dasarnya tidak berhak digunapakai oleh seseorang yang tidak mengikuti proses tersebut secara langsung dengan guru dan rakan-rakan dengan kaedah *al-sard*. Ini adalah kerana kesemua frasa tersebut secara jelas telah menyandarkan silsilah sanad kitab Sahih al-Bukhari kepada guru masing-masing menerusi aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah*. Menurut Nur al-Din al-'Itr (1992), frasa sebegini bukan sesuatu yang boleh digunakan oleh seseorang kecuali bertepatan dengan situasinya. Ia tidak boleh diabaikan sekalipun hakikat zaman penggunaannya telah berlalu.

Implikasi ketidakselarasan penggunaan frasa sebegini dengan metode *tahammul* sebenar sesuatu hadis diperolehi akan menjurus penggunaannya kepada perawi *mudallis* (periwayatan hadis yang tidak pernah didengari daripada gurunya). Menurut Nur al-Din 'Itr (1992), sebahagian ulama telah mengklasifikasikannya kepada perawi pendusta. Sebagai contoh, beliau menjelaskan seseorang yang memperolehi hadis secara metode *tahammul* yang lebih rendah seperti *al-ijazah* misalnya akan dianggap sebagai *mudallis* apabila ia menggunakan frasa-frasa yang menggambarkan metode *tahammul* yang lebih tinggi seperti *haddathana* ketika menyandarkan hadis yang diperolehi daripada guru. Aspek ini menurut Faruq Hamadah (2008) begitu diperhalusi oleh ahli hadis sehinggakan mereka mentajirihkan (melabel sebagai perawi tidak terpercaya) perawi yang cuai dalam perkara ini.

Jadual 1.2 Frasa-frasa aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* partisipan SMF (2012), guru dan murid

| Frasa <i>al-Sama'</i>                                                                                                                                                                                                                                                             | Frasa <i>al-Qira'ah</i>                                                                                                                                                                       |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| (a) بدون أي فوت بلفظه وأنا أسمع<br>(tanpa terkecuali walaupun satu lafaz<br>sambil saya (guru partisipan SMF)<br>mendengar)                                                                                                                                                       | (a) فقرأه علي كاملا<br>(beliau (iaitu partisipan SMF) membacakannya<br>di hadapan saya (iaitu guru partisipan) secara<br>keseluruhan)                                                         |
| (b) وقد سمعته من شيخنا مسند العصر<br>العلامة المتفنن محمد ياسين بن محمد<br>عيسى الفاداني المكي<br>(saya (guru partisipan SMF) telah<br>mendengarnya pula daripada guru kami<br>musnid zaman al-'allamah al-mutafannin<br>Muhammad Yasin bin Muhammad 'Isa al-<br>Fadani al-Makki) | (b) بقرائة جمع من طلبة العلم علي<br>(menerusi pembacaan sekumpulan daripada<br>kalangan penuntut ilmu di hadapan saya<br>(partisipan SMF))                                                    |
| (c) كل من حضر مجالس سماع الصحيح<br>(setiap orang yang menghadiri majlis <i>sama'</i><br><i>al-Sahih</i> )                                                                                                                                                                         | (c) وقد قرأته كاملا علي شيخنا المحدث<br>الدكتور محمود سعيد<br>(dan saya (partisipan SMF) telah<br>membacanya secara keseluruhan di hadapan<br>guru kami <i>al-muhaddith</i> Dr. Mahmud Sa'id) |
| (d) وإن ولدي القلي قد سمع/سمعت<br>صحيح الإمام<br>(dan sesungguhnya anak yang tersemat<br>di hati saya (partisipan SMF) bahawa<br>beliau (murid) telah mendengar <i>Sahih</i><br>Imam)                                                                                             |                                                                                                                                                                                               |

Keterangan di atas menunjukkan partisipan dan murid berhak menggunakan frasa-frasa sepertimana jadual 1.2 bagi mewakili aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* bersama guru. Kesemua frasa tersebut adalah selaras dengan realiti proses TB yang diaplikasikan oleh partisipan SMF menerusi majlis pembacaan dan pengajian Sahih al-Bukhari sama ada di peringkat al-tahammul iaitu dengan guru atau di peringkat *al-ada'* iaitu dengan murid. Justeru, kesinambungan periwiyatan silsilah sanad Sahih al-Bukhari menerusi metode terbaik iaitu *al-sama'* dan *al-qira'ah* antara partisipan dengan guru dan murid berjaya diimplimentasikan. Frasa-frasa sepertimana dalam jadual 1.2, telah digunakan oleh partisipan SMF (2012) dan murid sebagai menunjukkan metode mereka menghimpunkan nama masing-masing dalam kelompok perawi bagi sanad kitab Sahih al-Bukhari. Manakala partisipan SMF (2012) menjadi sumber pendengaran dan

pembacaan bagi saluran persambungan silsilah tersebut secara bertalian sehingga sampai kepada Imam al-Bukhari dan kemuncaknya bertaut kepada Rasulullah saw.

## Kedua: Pemantauan Cetakan (*Dabt Kitab*)

Pemantauan cetakan (*dabt kitab*) merupakan antara faktor yang mendorong aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari oleh partisipan SMF (2012). Partisipan SMF khasnya dan murid umumnya adalah berkesempatan memerhatikan serta memeriksa kesahihan cetakan teks hadis-hadis yang dibacakan sepanjang pengajian atau majlis berlangsung. Antara aspek cetakan yang boleh dipantau ialah ialah baris, ejaan dan jatuh cetak. Pembacaan hadis satu demi satu sehingga khatam secara keseluruhan memberi peluang yang sewajarnya kepada partisipan SMF mengenal pasti sama ada terdapat kesalahan atau pun tidak terhadap sesebuah cetakan teks hadis. Kepastian teks yang terpelihara daripada sebarang ralat dilihat penting bagi melancarkan proses pembacaan hadis-hadis tersebut dan mengelakkan kekeliruan terhadap kefahamannya.

Pemantauan cetakan (*dabt kitab*) menerusi aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* lebih kepada pengukuhan kepastian kesahihan teks hadis yang dicetak oleh penerbit. Berdasarkan observasi kajian, cetakan hadis-hadis Sahih al-Bukhari yang dirujuk oleh partisipan kaedah *al-sard* adalah dikenal pasti sebagai hampir tiada kesalahan cetak sama ada daripada aspek baris atau ejaan atau jatuh cetak (ralat). Oleh sebab itu, hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari tersebut telah dapat dibaca dengan lancar oleh murid di hadapan partisipan SMF (2012) selama 40 sesi majlis.

Hal ini menunjukkan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* antara guru dengan murid merupakan proses yang memberi ruang untuk mengenal pasti sama ada wujud atau tidak kesalahan terhadap cetakan teks hadis yang dibaca yang berpunca daripada penerbit. Berdasarkan alasan ini, faktor pemantauan cetakan (*dabt kitab*) dilihat terus relevan sebagai dorongan aplikasi kedua-dua metode tersebut terhadap hadis dalam Sahih al-Bukhari. Partisipan SMF memainkan peranan utama dalam memantau sama ada terdapat sebarang ralat pada cetakan hadis-hadis tersebut dan serentak mendorong kelancaran pembacaan murid. Ia membawa faedah kepada kesedaran pembacaan sama ada benar-benar betul atau terdapat kesalahan padanya. Kedua-duanya boleh dikenal pasti menerusi bimbingan partisipan SMF selaku guru *al-musnid* yang berpengalaman mengaplikasikan *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari dengan gunanya sebelum ini.

Imbasan sejarah menunjukkan pada zaman riwayat, aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* secara langsung dengan ulama atau guru adalah memberi peluang pemantauan periwayatan hadis daripada kesalahan seperti *tashif* (perubahan titik kalimah) dan *tahrif* (perubahan baris kalimah) yang kebiasaan dialami oleh seseorang yang mengambil ilmu dari *suhuf* semata-mata (Ibn al-Salah 1986 Ibn Hajar al-'Asqalani 1999). Kesalahan seumpama ini lumrah terjadi sekalipun dalam kalangan perawi hadis dan ulama ketika meriwayatkan atau membaca hadis. Imam Ahmad bin Hanbal mengatakan tiada sesiapa pun yang terhindar daripada melakukan kesalahan tersebut. Kekerapan terjadinya *tahrif* atau *tashif* juga merupakan salah satu daripada aspek penentu kepada kedabitan seseorang perawi. Oleh sebab itu, aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* secara langsung

dengan guru merupakan hampir satu kemestian dan metode terbaik dalam periwayatan hadis pada zaman tersebut (Mawsu'ah 'ulum al-hadith 2007).

Penemuan kajian menunjukkan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* pada zaman selepas riwayat sehingga kini masih memainkan peranan yang sama meskipun dalam dimensi yang berbeza. Walaupun kitab-kitab hadis muhtabar seperti Sahih al-Bukhari telah tercetak dengan meluas dan boleh dimiliki serta dibaca oleh sesiapa sahaja tetapi tidak terhindar daripada kebarangkalian kesalahan atau ralat dalam cetakannya. Aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* antara guru dan murid terus memainkan peranannya seperti zaman riwayat tetapi dalam dimensi pemantauan cetakan teks periwayatan hadis-hadis tersebut. Pemantauan ini pada dasarnya untuk mengukuhkan kesahihan cetakan teks dan memperbaiki kesalahan yang dapat ditemui. Aspek ini penting bagi melancarkan proses pembacaan hadis dan mengelakkan kekeliruan terhadap kefahaman terhadapnya.

Daripada satu sisi, kesedaran bahawa terdapat kesalahan atau pun tidak terhadap sesuatu cetakan teks hadis telah menonjolkan penguasaan partisipan SMF terhadap hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari. Ianya sudah tentu diperolehi menerusi pengalaman aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* partisipan SMF dengan guru sebelum ini. Manakala pemantauan cetakan (*dabt kitab*) kitab hadis adalah penting kerana cetakan tersebut memainkan peranan sebagaimana seseorang perawi menyampaikan hadis kepada pembaca (Nur al-Din 'lir 1992). Dengan erti kata lain, pembukuan atau percetakan hadis masih tidak menjejaskan kelebihan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* bagi sesebuah kitab hadis secara langsung antara murid dengan guru terutamanya yang berpengalaman membaca kitab tersebut dengan gurunya sebelum ini.

### **Ketiga: Ulang Kaji Hadis**

Peluang mengulang kaji hadis juga merupakan antara faktor yang mendorong aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis seperti Sahih al-Bukhari oleh partisipan SMF (2012). Partisipan SMF (2012) turut memberi reaksi bahawa proses ini adalah bertujuan supaya pengetahuan berkaitan dalil-dalil bersumberkan hadis dapat ditingkatkan. Observasi kaedah *al-sard*, menunjukkan proses mendengar dan membaca hadis secara langsung adalah membantu pengulangkajian hadis-hadis Nabi saw. Para peserta sama ada partisipan, murid atau pendengar awam dilihat serentak merujuk kepada kitab hadis masing-masing semasa aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* direalisasikan di hadapan partisipan SMF. Situasi ini memperlihatkan adalah satu kemestian untuk peserta bukan sahaja memiliki kitab hadis tetapi mengulangkaji isi kandungannya secara berkelompok. Tinjauan secara umum dan menyeluruh terhadap hadis-hadis yang diperdengarkan dapat dilakukan secara lebih spesifik berpandukan bacaan murid.

Pengalaman observasi terhadap kaedah *al-sard*, menunjukkan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* telah dapat membantu pengkaji mengetahui atau mengingati semula hadis-hadis yang menjadi dalil sesuatu amalan yang sedia diketahui atau diamalkan sebelum ini. Ini adalah kerana partisipan SMF (2012) memainkan peranan menjelaskan bahawa hadis yang sedang dibacakan tersebut merupakan dalil untuk sesuatu perkara. Terdapat sekali sekala partisipan mencelah bagi tujuan

tersebut. Jadual 1.3 memaparkan catatan observasi bagi contoh-contoh berkaitan. Penemuan tersebut menunjukkan ulang kaji hadis menerusi kaedah *al-sard* masih boleh dihayati sekalipun kebanyakan hadis-hadis tersebut dibaca dengan laju. Di samping faktor kelonggaran syarat *tahammul* dan juga *al-ada'* yang tidak menekankan kefahaman kepada pembaca mahupun pendengar terhadap hadis-hadis tersebut (Ibn Hajar al-'Asqalani 2000). Ia bergantung kepada reaksi spontan partisipan SMF dan latar belakang pendengar.

Berdasarkan alasan di atas, aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis sentiasa relevan dipraktikkan tanpa sempadan masa. Ini adalah kerana aplikasi tersebut memberi pendedahan pengulangkajian secara menyeluruh terhadap dalil-dalil hadis yang terdapat dalam sesebuah kitab hadis. Lebih-lebih lagi dalam konteks kajian, hadis-hadis tersebut dibaca satu persatu sehingga khatam iaitu secara *al-sard*. Proses tersebut dapat membantu pemeriksaan dan penelitian kembali hadis-hadis Nabi saw sebagai dalil untuk beramal dan juga penyampaian ilmu. Hampir tiada penafian dalam kalangan umat Islam tentang kepentingan aktiviti ulang kaji hadis. Faktor ini dilihat penting sejajar dengan kedudukan hadis sebagai sumber syariat yang sentiasa dirujuk oleh umat Islam bagi tujuan mempraktikkan sunnah Nabi saw dan hukum hakam. Al-Qasimi (1993) menukilkan ulasan al-Sya'rani bahawa praktis *mutala'ah* kitab-kitab hadis adalah penting untuk meningkatkan pengetahuan dalil-dalil hadis terutamanya yang menjadi sandaran perbahasan hukum dalam kalangan ulama fiqah.

Penemuan kajian menunjukkan dalam konteks TB, peluang mengulang kaji hadis-hadis daripada sumber muktabar dapat dihayati menerusi pengkhataman *al-sama'* dan *al-qira'ah* sesebuah kitab hadis di samping perolehan sanad secara bersambungan hingga kepada penyusun kitab. Kenyataan ini juga bermaksud, pengulangkajian hadis tanpa aplikasi TB iaitu secara individu atau dengan guru yang bukan musnid menjadikan persambungan sanad kepada penyusun kitab tidak boleh dicapai. Dalam konteks *al-tahammul*, situasi ini mirip kepada *al-wijadah* iaitu penemuan hadis menerusi kitab tulisan seseorang beserta sanadnya tanpa ijazah, *munawalah*<sup>11</sup> dan *al-sama'* (Mawsu'ah 'Ulum al-Hadith 2007).

---

<sup>11</sup> Guru memberi atau menghulurkan kepada murid beberapa hadis atau kitab untuk diriwayatkan.

Jadual 1.3 Contoh ulang kaji dalil hadis kaedah *al-sard*

| Sesi Majlis | Dalil Hadis                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                        | Pengetahuan                           |
|-------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------|
| Majlis 1    | <p>وَقَالَ عُرْوَةُ عَنْ الْمِسْوَرِ وَغَيْرِهِ يُصَدَّقُ كُلُّ وَاحِدٍ مِنْهُمَا صَاحِبُهُ وَإِذَا تَوَضَّأَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَادُوا يَفْتَتِلُونَ عَلَى وَضُوئِهِ</p> <p>(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Wudu', no. Hadis: 190)</p>                                                                                                                                                                                     | Sahabat bertabarruk dengan wuduk Nabi |
| Majlis 4    | <p>فَقَالَ يَا رَسُولَ اللَّهِ تَهْدَمُ الْبَنَاءُ وَعَرِقَ الْمَالُ فَادْعُ اللَّهَ لَنَا فَرَفَعَ يَدَيْهِ فَقَالَ اللَّهُمَّ حَوَالَيْنَا وَلَا عَلَيْنَا فَمَا يُشِيرُ بِيَدِهِ إِلَى نَاحِيَةِ مِنَ السَّحَابِ إِلَّا أَنْفَرَجَتْ وَصَارَتْ الْمَدِينَةُ مِثْلَ الْجُوبَةِ وَسَلَّ الْوَادِي قَنَاةَ شَهْرًا وَلَمْ يَجْعَلْ أَحَدٌ مِنْ نَاحِيَةٍ إِلَّا حَدَّثَ بِالْجُودِ</p> <p>(Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumu'ah, no. Hadis: 933)</p> | Doa tolak hujan yang membawa mudarat  |
| Majlis 4    | <p>وَقَالَتْ عَائِشَةُ رَأَيْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَسْتُرْنِي وَأَنَا أَنْظُرُ إِلَى الْحَبَشَةِ وَهُمْ يَلْعَبُونَ فِي الْمَسْجِدِ فَزَجَرَهُمْ عُمَرُ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دَعَهُمْ أَمْنَا بَنِي أَرْفَدَةَ يَغْنِي مِنَ الْأَمْنِ</p> <p>(Sahih al-Bukhari, Kitab al-'Ayydayn, no. Hadis: 988)</p>                                                                                  | Harus main kompang dalam masjid       |

|          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                   |
|----------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------------|
|          |                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                                         |                   |
| Majlis 8 | <p>أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ لِلْوَرَعِ<br/>فُوَيْسِقُ وَلَمْ أَسْمَعْهُ أَمَرَ بِقَتْلِهِ قَالَ أَبُو عَبْدِ اللَّهِ إِنَّمَا<br/>أَرَدْنَا بِهَذَا أَنَّ مِئَةَ مِنْ الْحَرَمِ وَأَنْتَهُمْ لَمْ يَرَوْا بِقَتْلِ<br/>الْحَيَّةِ بَأْسًا</p> <p>(Sahih al-Bukhari, Kitab Jaza' al-Sayd, no.<br/>Hadis : 1831)</p> | Sunat bunuh cicak |

#### Keempat: Pahala Ibadah Selawat

Faktor dorongan seterusnya yang merangsang aplikasi metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis seperti Sahih al-Bukhari oleh partisipan SMF (2014) adalah perolehan pahala ibadah selawat. Ini adalah kerana proses *al-sama'* dan *al-qira'ah* turut secara langsung mengulang ucapan selawat terhadap Rasulullah saw. Kekerapan selawat akan meraih pahala yang banyak serta kedudukan yang dekat dengan Rasulullah saw. Seterusnya menurut partisipan SMF (2014), Ibn Hajar al-Haytami (1970) berpandangan sebagaimana dalam kitab al-Fatawa al-Hadithiyyah bahawa membaca dan mendengar hadis sama ada bertujuan untuk hafalan, pengajaran hukum hakam, berselawat kepada Nabi saw atau sekalipun menyambung sanad merupakan amalan baik yang layak memperolehi pahala di sisi syarak. Langkah mendengar hadis pun sudah memperolehi pahala apatah lagi membacanya sama ada difahami atau tidak.

Kajian mendapati faktor dorongan yang disuarakan oleh partisipan SMF (2012) adalah relevan dengan pengajian hadis dalam konteks kemuliaan ahlinya yang seringkali memperbaharui lafaz selawat kepada Rasulullah saw ketika proses aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap sesebuah hadis. Kebanyakan karya *mustalah* dan karya syarah hadis tidak ketinggalan daripada menyebut antara kriteria yang memuliakan ahli hadis ialah berdasarkan faktor kekerapan selawat yang tinggi. Ianya sejajar dengan aktiviti mereka yang sering menemui sebutan nama baginda saw sama ada secara bacaan, pendengaran atau penulisan. (al-Maliki 2000). Faktor pahala ibadah selawat yang tinggi menjadikan penuntut ilmu hadis berpotensi menjadi golongan yang berada hampir dengan Rasulullah saw pada hari kiamat sebagaimana sabda baginda saw:

أولى الناس بي يوم القيامة، أكثرهم علي صلاة

*Maksudnya: Manusia yang lebih utama berada denganku pada hari Kiamat ialah mereka yang paling banyak selawatnya ke atasku.*

Hadis ini diriwayatkan oleh 'Abd Allah bin Mas'ud dan merupakan hadis hasan gharib. (al-Tirmidhi (t.th), Jami'al-Tirmidhi, Kitab al-solat, Bab ma ja'a fi fadl al-solat 'ala al-Nabiyy saw, No Hadis 484)

Sekilas pandang pahala ibadah selawat kepada Rasulullah saw seakan faktor iringan atau sub-faktor yang mendorong proses aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis Sahih al-Bukhari oleh partisipan SMF. Namun kajian berpendapat, faktor dorongan ini wajar diketengahkan kerana ia merupakan bahagian daripada adab yang lazim dipraktiskan ketika nama baginda saw disebut secara umum apatah lagi dalam majlis khusus yang memperdengarkan hadis-hadis baginda saw. Dengan erti kata lain, faktor ini meskipun umum subjeknya tetapi dilihat menjadi faktor dorongan yang khusus dari segi teknikal yang boleh ditemui dalam majlis *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis baginda saw.

Contohnya, 7563 hadis dalam Sahih al-Bukhari yang dibacakan sehingga khatam oleh partisipan SMF (2012) dan para murid sekurang-kurangnya telah memperlihatkan jumlah yang sama pengucapan selawat terhadap baginda saw dalam tempoh tersebut. Justeru majlis aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis baginda saw telah dapat merangsang pengucapan selawat secara berganda yang mungkin tidak dapat dipraktiskan secara perseorangan dan jarang ditemui dalam majlis-majlis ilmu secara umum kecuali majlis khusus tersebut. Manakala kekerapan selawat terhadap Rasulullah saw sudah tentu bukan perkara kecil. Adalah memadai firman Allah swt berikut menjelaskan ketinggian amalan selawat terhadap Rasulullah saw.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

*Terjemahan: Sesungguhnya Allah dan malaikatNya bersalawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad saw); wahai orang-orang yang beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

Surah al-Ahzab 33: 56

Ibn 'Abbas sebagaimana yang dinukilkan oleh al-Tabari (1992) dan Ibn Kathir (1995) mentafsirkan ayat di atas sebagai Allah swt dan para malaikatnya sentiasa memberkati Nabi saw. Maksud memberkati Nabi saw iaitu Allah swt merahmati baginda saw dan para malaikat pula berdoa serta memohon keampunan untuk baginda saw. Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (2000) ulama secara sepakat memutuskan ayat ini sebagai menunjukkan ketinggian kedudukan Nabi saw yang tidak diperolehi oleh makhluk yang lain. Allah swt menzahirkan ketinggian Nabi saw di dunia dengan mengangkat sebutan nama baginda saw di samping menyerlahkan kebenaran agama dan mengekalkan syariat baginda saw.

Justeru Allah swt juga memerintahkan orang yang beriman agar turut mendoakan baginda saw menerusi ucapan selawat terutama ketika nama baginda saw disebut. Suruhan selawat ini diperintahkan mulai tahun dua Hijrah dan dikatakan diturunkan pada malam Israk Rasulullah saw.

Ketinggian ucapan selawat dapat dihayati dengan lebih jelas apabila ia menjadi salah satu daripada rukun ibadah solat. Dengan erti kata lain, tidak sah sesuatu solat yang dilakukan tanpa membaca selawat dalam tahiyat akhirnya. Oleh sebab itu, al-Dhahabi (2000) dalam konteks adab ahli hadis, berpendapat mendekatkan hubungan dengan Rasulullah saw dengan memperbanyakkan selawat terhadap baginda saw merupakan antara niat yang murni yang wajar dihayati oleh penuntut ilmu hadis. Kajian berpendapat situasi tersebut pula sememangnya dapat dihayati menerusi majlis *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari seperti yang diaplikasikan oleh partisipan SMF (2012).

### Kelima: Peningkatan Keimanan Kepada Rasulullah SAW<sup>12</sup>

Peningkatan keimanan kepada Rasulullah saw merupakan salah satu faktor yang mendorong partisipan SMF (2012) mengaplikasikan *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis baginda saw. Ini adalah kerana menurut partisipan SMF (2012) proses tersebut membolehkan sabda Rasulullah saw tersebut dihayati dengan lebih fokus sehingga merasakan seolah-olah baginda saw sendiri menyampaikannya. Penghayatan ini boleh dihubungkan dengan jumlah ribuan hadis-hadis Rasulullah saw yang dibaca dan diperdengarkan sepanjang proses tersebut berlangsung. Tambahan lagi kekerapan sebutan *qala* Rasulullah saw<sup>13</sup> serta diiringi lafaz selawat yang dilauung secara spontan atau diucapkan dalam hati semasa proses tersebut berlangsung adalah dilihat dapat menambahkan rasa keimanan terhadap baginda saw.

Peningkatan keimanan menerusi metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis Rasulullah saw merupakan satu refleksi pemikiran yang pernah diutarakan oleh Muhammad bin Ja'far al-Kattani. (al-Marcashli 2006) Beliau yang berpengalaman mengendalikan majlis-majlis pembacaan Sahih al-Bukhari sehingga hampir 20 kali sesi pengkhatamannya turut melontarkan reaksi yang sama. Menurut beliau, aktiviti melazimi pembacaan hadis dengan penghayatan adab, penuh penghormatan dan takzim sehingga seolah-olah *sahib al-syar'ah* tersebut berada di depan mata adalah berpotensi meningkatkan keimanan seseorang (Muhammad 'Azuz 2009). Muhammad Rejab al-Bayyumi dalam tulisan beliau berkaitan tempat-tempat pembacaan hadis di Mesir sebagaimana yang dinukilkan dalam al-Muhaddithun fi Misr wa al-Azhar melontarkan perkara yang

<sup>12</sup> Keimanan kepada Rasulullah p bermaksud membenarkan kenabian dan kerasulan baginda p yang diutuskan oleh Allah I kepada manusia mahupun jin sehingga hari Kiamat. Beriman kepada Rasulullah p sekaligus bermaksud beriman kepada Allah I. Ia diterjemahkan dengan menerima setiap apa yang disampaikan daripada baginda p iaitu adalah daripada Allah I dan berazam beramal dengannya. Ini adalah kerana membenarkan baginda p sebagai pesuruh Allah I bererti menuntut kewajipan mentaati baginda p yang juga merupakan rasul terakhir yang diutuskan oleh Allah I. Justeru terdapat sepuluh hak Rasulullah p yang perlu ditunaikan oleh setiap umat Islam iaitu yang paling utama ialah beriman dengan baginda p. Setelah itu, manifestasi keimanan ini diserlahkan menerusi baki sembilan hak lagi iaitu mencintainya, mentaatinya, mengikuti sunnahnya, meneladaninya, membesarkannya, mentakzimkannya, menjadikan agamanya sebagai nasihat, mencintai ahli keluarganya, mencintai para sahabatnya dan berselawat kepadanya. Keimanan kepada Rasulullah p juga melibatkan empat sifat yang wajib dipercayai ada kepada baginda p iaitu siddiq, amanah, tabligh dan fatonah. (al-Bayhaqi 2000 al-Jaza'iri 1998 al-Bayjuri 2002).

<sup>13</sup> Menurut sebahagian orang-orang salih, lafaz *qala* Rasulullah p sudah dianggap sebagai faktor dorongan terkuat untuk mereka melibatkan diri dan bergelung dengan ilmu hadis. ( al-Qannawji 1985)

sama ketika mengkritik golongan yang berprejudis terhadap majlis pembacaan hadis tanpa syarah (al-Husayni et.al t.th). Dalam konteks kajian ini ianya adalah kaedah *al-sard*. Muhammad Rejab al-Bayyumi antara lain menegaskan bahawa cahaya yang terdapat pada hadis-hadis tersebut boleh menerangi hati-hati yang menghayatinya yang dengan itu mereka dapat memperoleh impak berdasarkan kadar persediaan penerimaan seseorang. Ini adalah kerana beliau berpendapat bahawa hadis merupakan perkataan arab yang berpotensi meninggalkan kesan kepada para pendengar seperti susulan hembusan serta peringatan.<sup>14</sup> Oleh itu, percubaan yang menghalang mengikuti bacaan hadis bermakna satu kelemahan dan kemalasan. Kedua-dua sifat negatif ini akan menggagalkan penghayatan dan perasaan memandang tinggi majlis-majlis sebegini. Kegagalan mengambil berat majlis-majlis bacaan hadis sepatutnya boleh menimbulkan kesangsian dan keraguan (al-Husayni et.al t.th).

Manakala kerangka pemikiran yang mengaitkan keimanan dengan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis Rasulullah saw seperti yang diutarakan oleh partisipan SMF (2012) serta didokong oleh reaksi oleh kedua-dua tokoh di atas terus diperkuatkan lagi dengan kenyataan Siddiq Hasan al-Qannawji (1985). Beliau memberi reaksi bahawa adalah wajar dianggap lenyap kemanisan iman bagi seseorang yang tidak cenderung kepada ahli hadis dan kegiatan mereka. Hal ini tidak menghairankan kerana kemanisan iman sepatutnya boleh dihayati menerusi komitmen terhadap aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* hadis meski pun pada masa kini. Ini adalah kerana aplikasi kedua-dua metode seharusnya boleh meningkatkan keimanan kepada Rasulullah saw daripada sudut iaitu menyuburkan dan mengukuhkan lagi keimanan terhadap sifat siddiq iaitu benar dalam perkhabaran yang disampaikan oleh baginda saw. Hadis-hadis yang dibaca memberi impak terhadap penerimaan kebenaran sabda Rasulullah saw tersebut. Ini adalah kerana mustahil bagi baginda saw mempunyai sifat dusta dalam perkhabarannya. Rasulullah saw sendiri pernah melahirkan perasaan kagum terhadap keimanan umat selepas kewafatan baginda saw. Sekalipun mereka tidak pernah bertemu baginda saw tetapi tidak menolak untuk mempercayai pengkhabaran yang disampaikan menerusi suhuf atau dalam konteks kajian, ianya adalah kitab hadis. Sabda Rasulullah saw:

أي الخلق أعجب إليكم إيماناً؟ قالوا: الملائكة، قال: وما لهم لا يؤمنون وهم عند ربهم؟ قالوا: فالتبيين. قال: وما لهم لا يؤمنون والوحي ينزل عليهم؟ قالوا: فنحن. قال: وما لكم لا تؤمنون وأنا بين أظهركم؟ قال: فقال رسول الله صلى الله عليه وسلم: إن أعجب الخلق إلي إيماناً لقوم يكونون بعدكم يجدون صحفاً فيها كتاب يؤمنون بما فيها.

<sup>14</sup> Kenyataan ini hampir sama dengan ulasan Ibn Kathir iaitu tutur bahasa Rasulullah p dapat dikenal pasti terutamanya oleh ahli hadis yang sangat berpengalaman. Mereka berkemampuan merasai keindahan yang terpancar menerusi kecantikan bahasa Rasulullah saw yang hakikatnya tidak sama dengan perkataan manusia biasa. Hadis-hadis yang diriwayatkan mempunyai tanda iaitu cahaya-cahaya kenabian yang tersirat. Menerusi tanda ini, para ahli hadis yang berpengalaman mudah mengesan sebarang perubahan lafaz atau penambahan yang batil dan sebagainya yang merupakan kebolehan semulajadi serta kecekapan yang sangat halus. Kepakaran ini menjadikan kecacatan sesuatu hadis berupaya ditemui. (Ahmad Muhammad Shakir 1994)

*Terjemahan: Siapakah makhluk yang paling menghairankan atau menakutkan kamu daripada sudut keimanannya? Sahabat-sahabat menjawab, malaikat. Rasulullah saw bersabda, bagaimana mereka tidak beriman sedangkan mereka berada di sisi tuhan mereka. Para sahabat berkata lagi, para nabi. Rasulullah saw bersabda, bagaimana mereka itu tidak beriman sedangkan wahyu diturunkan ke atas mereka. Para sahabat menjawab lagi, kami. Bagaimana kamu tidak beriman sedangkan aku hidup di antara kamu. Lalu Rasulullah saw bersabda, sesungguhnya manusia yang paling menghairankan aku keimanannya ialah kaum yang hidup selepas kewafatanku. Mereka hanya mendapati suhuf-suhuf, padanya Kitab, tetapi mereka beriman dengan apa yang terkandung dalamnya.*

(al-Bayhaqi, jil. 6, 1988, hlm. 538)

Selain itu, peningkatan keimanan kepada Rasulullah saw juga sepatutnya boleh disuburkan daripada sudut membenarkan sifat tabligh yang dihayati oleh baginda saw. Pembacaan ribuan hadis dalam kepelbagaian topik daripada tauhid, hukum hakam fiqah, sejarah, kelebihan dan keutamaan amal, adab dalam kehidupan seharian seperti tidur, makan, minum, mandi dan lain-lain mencerminkan kebenaran sifat Rasulullah saw sebagai penyampai bagi segala ilmu yang diwahyukan kepada baginda saw menerusi hadis. Kesimpulannya, aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis secara menyeluruh dilihat boleh menambahkan keimanan terhadap Rasulullah saw iaitu paling kurang terhadap dua sudut yang dibincangkan tersebut iaitu *siddiq* dan *tabligh*. Kedua-duanya merupakan sifat Rasulullah saw yang wajib dipercayai (al-Bayjuri 2002).

Justeru kesangsian terhadap aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis tidak seharusnya timbul. Ianya boleh dikaitkan dengan kedudukan sumber hadis iaitu Rasulullah saw yang menjadi paksi keimanan kepada al-Quran dan hadis. Apatah lagi hakikat kedua-duanya adalah disampaikan secara khusus menerusi perantaraan baginda saw (al-Suyuti 2000 al-Qannawji 1985). Perkara yang sama cuba ditonjolkan oleh partisipan SMF (2012) menerusi peningkatan keimanan sebagai faktor dorongan aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari. Oleh itu, kajian berpendapat peningkatan keimanan sebagai antara faktor dorongan aplikasi TB menerusi metode *al-sama'* dan *al-qira'ah* merupakan refleksi pemikiran positif yang dilontarkan berdasarkan pengalaman spiritual partisipan SMF (2012). Ianya juga satu refleksi pemikiran yang sejajar dengan lontaran beberapa tokoh yang ditonjolkan.

Dalam konteks kajian, keimanan dirasakan semakin meningkat secara lebih spesifik apabila nama partisipan SMF (2012) dan murid dapat dihimpunkan sebaris di dalam silsilah perawi yang bertalian sehingga sampai kepada penyusun kitab hadis dan kemuncaknya bertaut kepada baginda saw. Langkah ini disempurnakan oleh partisipan SMF (2012) menerusi pengijazahan sanad kitab hadis yang menjadi sumber aplikasi *al-sama'* dan *al-qira'ah* tersebut. Proses ini dilakukan setelah pengkhataman *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap kitab selesai diaplikasikan. Rentetan daripada itu, pendapat partisipan SMF (2012), bahawa proses *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis secara aplikasi TB merupakan salah satu cara meningkatkan keimanan terhadap Rasulullah saw adalah dilihat relevan.

## Kesimpulan

Perbincangan secara keseluruhan menunjukkan metode riwayat terbaik dalam *al-tahammul wa al-ada'*, pemantauan cetakan (*dabt kitab*), ulang kaji hadis, pahala ibadah selawat dan peningkatan keimanan kepada Rasulullah saw merupakan lima faktor yang mendorong partisipan SMF (2012) mengaplikasikan *al-sama'* dan *al-qira'ah* terhadap hadis-hadis dalam Sahih al-Bukhari sehingga khatam. Berdasarkan huraian yang dikemukakan, kelima-lima faktor yang dicetuskan tersebut didapati adalah reflektif pemikiran yang relevan dengan pengajian hadis. Ianya juga fleksibel diaplikasikan tanpa sempadan masa.

Kajian beranggapan punca utama yang mendasari dorongan-dorongan ini adalah kedudukan Rasulullah saw sebagai sumber mutlak hadis. Oleh sebab itu, kelima-lima faktor yang diutarakan oleh partisipan SMF (2012) sukar diketepikan apatah lagi diprejudiskan. Dengan erti kata lain, kesemua faktor tersebut menonjolkan keaslian perhubungan antara perjalanan majlis atau pengajian *al-sama'* dan *al-qira'ah* sesebuah kitab hadis dengan *sahib al-hadith* itu sendiri iaitu Rasulullah saw. Sehubungan dengan itu, dorongan-dorongan ini juga menunjukkan aplikasi TB dalam pengajian hadis sentiasa perlu diteruskan sekalipun pada masa kini.

## Rujukan

- 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. (1984). *Lamahat min Tarikh al-Sunnah wa 'ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah.
- 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. (1992). *Al-Isnad min al-Din*. Beirut: Dar al-Qalam.
- Abu Dawud. (t.th). *Sunan Abu Dawud*. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- Ahmad Muhammad Shakir. (1994). *al-Ba'ith al-Hathith Sharh Ikhtisar 'Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-'Azim Abadi, Muhammad Shams al-Haq. (1990). *'Awn al-Ma'bud Sharh Sunan Abi Dawud*. Jil. 5. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. (1988). *Dala'il al-Nubuwwah wa Ma'rifah Ahwal Sahib al-Shari'ah*. Jil. 6. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayhaqi, Ahmad bin al-Husayn. (2000). *Shu'ab al-liman*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Bayjuri, Ibrahim bin Muhammad. (2002). *Tuhfat al-Murid 'ala Jawharat al-Tawhid*. Tahqiq: 'Ali Jumu'ah Muhammad. Kaherah: Dar al-Salam.

- al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. (t.th). *Sahih al-Bukhari*. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.
- al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad. (2000). *Al-Muqizah fi 'Ilm Mustalah al-Hadith*. Tahqiq: 'Abd al-Fattah Abu Ghuddah. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Fadani, Muhammad Yasin bin Muhammad 'Isa. (1983). *Ithaf al-Bardah bi Asanid al-Kutub al-Hadithiyyah al-'Asharah*. Damshiq: Dar al-Basa'ir.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2014). *Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) dan Keperluannya dalam Pengajian Hadis Di Malaysia*. Tesis Ph.D. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faruq Hamadah. (2008). *Al-Manhaj al-Islamiyy fi al-Jarh wa al-Ta'dil Dirasah Manhajiyyah fi 'Ulum al-Hadith*. Kaherah: Dar al-Salam.
- al-Fullani, Imam Salih bin Muhammad. (1984). *Qatf al-Thamar fi Raf' Asanid al-Musannafat fi al-Funun wa al-Athar*. Tahqiq: 'Amir Hasan Sabri. Jeddah: Dar al-Shuruq.
- al-Hussayni, 'Abd al-Majid Hashim & Ahmad 'Umar Hashim. (t.th). *Al-Muhaddithun fi Misr wa al-Azhar wa Dawruhum fi Ihya' al-Sunnah al-Nabawiyyah al-Sharifah*. t.tp.: Maktabah Gharib.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. (1999). *Nuzhat al-Nazar fi Tawdikh Nukhbat al-Fikar fi Mustalah Ahl al-Athar*. Tahqiq: 'Abd al-Sami' al-Anis dan 'Isam Faris al-Harastani. Jordan: Dar 'Ammar.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. (2000). *Fath al-Bari Sharh Sahih al-Bukhari*. Tahqiq: 'Abd al-'Aziz bin 'Abd Allah bin Baz & Muhammad Fu'ad 'Abd al-Baqi. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Hajar al-Haytami. (1970). *al-Fatawa al-Hadithiyyah*. Misr: Shirkah Maktabah wa Matba'ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuh.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il. (1995). *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Jil. 1. t.pt.: al-Maktabah al-Qayyimah.
- Ibn al-Solah, Abu 'Amr 'Uthman bin 'Abd al-Rahman al-Shaharzuri. (1986). *'Ulum al-Hadith*. Tahqiq: Nur al-Din 'Itr. Damshiq: Dar al-Fikr.
- al-Jaza'iri, Abu Bakr Jabir. (1998). *Haza al-Habib Muhammad Rasul Allah ﷺ ya Muhibb*, Madinah al-Munawwarah: Adwa' al-Manar.
- al-Khatib al-Bagdadi, Abu Bakr Ahmad bin 'Ali bin Thabit. (2003). *Sharaf Asha al-Hadith*. Beirut: 'Alah al-Kutub.

- al-Maliki, al-Sayyid Muhammad bin 'Alawi bin 'Abbas. (2000). *Al-Manhal al-Latif fi Usul al-Hadith al-Sharif*. Madinah al-Munawwarah: t.pt.
- al-Mar'ashli, Yusuf 'Abd al-Rahman. (2006). *Nathr al-Jawahir wa al-Durar fi 'Ulama' al-Qarn a-lRabi'ashar*. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Mawsu'ah 'Uulum al-Hadith. (2007). Kaherah: Wizarat al-Awqaf al-Majlis al-'A'la li al-Shu'uni al-Islamiyyah.
- Mawrid. (1999). Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayiin.
- al-Mubarakfuri, Muhammad 'Abd al-Rahman ibn 'Abd al-Rahim. (2001). *Tuhfat al-Ahwadhi bi Sharh Jam' al-Tirmidhi*. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Muhammad bin 'Abd al-Razzaq Aswad. (2007). *Shurut al-Rawi wa al-Riwayah 'inda Ashab al-Sunan Dirasah Tatbiqiyyah*. Damshiq: Dar Tibah.
- Muhammad bin 'Azuz. (2009). *Al-Muhaddith al-Kabir al-'Allamah al-Sayyid Muhammad bin Ja'far al-Kattani al-Husayni al-Fasi*. Jil. 1. Beirut: Dar Ibn Hazm.
- al-Nadwi, Muhammad Akram. (2001). *Bughyat al-Mutabi' li Asanid al-Sharif Muhammad al-Rabi'*. Damshiq: Dar al-Qalam.
- Nur al-Din 'Itr. (1992). *Manhaj al-Naqd fi 'Ulum al-Hadith*. Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Qadi 'Iyad bin Musa. (2004). *Al-Ilma' ila Ma'rifah Usul al-Riwayah wa Taqyid al-Sama'*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qasimi, Muhammad Jamal al-Din. (1993). *Qawa'id al-Tahdith min Funun Mustalah al-Hadith*. Tahqiq: Muhammad Bahjat al-Baytar. Beirut: Dar al-Nafa'is.
- al-Qannawji, Siddiq Hasan. (1985). *Al-Hittah fi Dhikr al-Sihah al-Sittah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Qastallani, Ahmad bin Muhammad. (1991). *Al-Mawahib al-Laduniyyah bi al-Minah al-Muhammadiyyah*. Tahqiq: Salih Ahmad al-Shamiyy. Jil. 2. Beirut: al-Maktab al-Islamiyy.
- al-Ra'id. (1992). Beirut: Dar al-'Ilm li al-Malayiin.
- al-Rajhiyy, 'Abd al-'Aziz bin Faysal. (2001). *Hady al-Sari ila Asanid al-Shaykh Isma'il al-Ansariyy*. Riyad: Maktabat al-Rushd.

- al-Sakhawi, Shams al-Din Muhammad bin 'Abd al-Rahman. (1999). *Al-Jawahir wa al-Durar fi Tarjamah Shaykh al-Islam Ibn Hajar*. Tahqiq: Ibrahim Bajas 'Abd al-Majid. Jil.1. Beirut: Dar Ibn Hazam.
- al-Suyuti, Jalal al-Din bin 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr. (2000). *Al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Tahqiq: Muhammad Salim Hashim. Jil.1. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- SMF. (2012). Interpretasi & Faktor Dorongan Aplikasi TB. Temu bual, 20 Februari.
- SMF. (2012). Interpretasi Aplikasi TB. Temu bual, 20 Februari.
- SMF. (2012). Faktor-faktor Dorongan Aplikasi TB. Temu bual, 26 April.
- al-Tabarani, Abu al-Qasim Sulayman bin Ahmad bin Ayyub. (1999). *Al-Mu'jam al-Awsat*. Tahqiq: Muhammad Hasan Muhammad Hasan Isma'il al-Shafi'i. Jil. 4. 'Amman: Dar al-Fikr.
- al-Tabari, Muhammad bin Jarir.( 1992). *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Jil. 10. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tirmidhi.( t.th). *Jami' al-Tirmidhi*. Riyad: Dar al-Salam li al-Nashr wa al-Tawzi'.

Farhah Zaidar Mohamed Ramli, PhD  
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Akademi Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
43000, Bangi,Malaysia  
Tel: +603-89254251  
farhahzaidar@kuis.edu.my

Latifah Abdul Majid, Ph.D  
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Malaysia.  
Tel: +603-89213678  
umilm@ukm.edu.my

Mohd Arif Nazri, Ph.D  
Jabatan al-Quran dan al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600, Bangi, Malaysia.  
Tel: +603-89213512  
mohdarif@ukm.edu.my

Hafida Mohd.Nordin  
Pusat Pengajian Teras,  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
43000, Bangi, Malaysia  
Tel: +603-89254251  
hafida@kuis.edu.my

